

SEMUA kru ditahan dibawa ke Jeti Pasukan Polis Marin, Pulau Indah untuk diserahkan kepada pegawai penyiasat Maritim Malaysia.



DUA BOT NELAYAN TEMPATAN LANGGAR SYARAT SAH LESEN

Gaji Pati jadi kru

Oleh Amirul Aiman
Hamsuddin
am@hmetro.com.my

Sungai Besar

Guna khidmat penda-tang asing tanpa izin (Pati) yang diambil bekerja sebagai kru bot ne-layan tempatan.

Itu antara tindakan pemilik bot dan tekong tem-patan ketika ditahan untuk pemeriksaan oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Mala-sia (APMM) Se-langor.

Pengarah Maritim Ne-geri Selangor Kepten Mari-tim V Siva Kumar berkata, pihaknya menahan dua bot nelayan tempatan bersama sembilan kru warga Indo-nesia kerana melanggar syarat sah lesen, kelmarin.

“Bot nelayan pertama dikendalikan lima kru warga Indonesia
Siva Kumar


Menurutnya, tangkapan dibuat di kedudukan 22 batu nautika barat daya Sungai Besar, di sini.

Katanya, dua bot itu ditahan Kapal Maritim Bagan Datuk semasa rondaan rutin dan penguatkuasaan di sekitar perairan Selangor.

“Bot nelayan pertama dikendalikan lima kru warga Indonesia termasuk tekong ditahan jam 1.30 petang. Manakala bot nelayan kedua ditahan 15 minit kemudian.

“Bot kedua dikendalikan empat kru termasuk tekong dan kesemuanya membabitkan war-ga Indonesia,” katanya.

Siva Kumar berkata, kedua-dua bot nelayan itu disyaki melakukan kesalan di bawah Akta Perikanan 1985 kerana melanggar



syarat sah lesen.

“Siasatan mendapati kru kedua-dua bot berumur lingkungan 22 hingga 62 ta-hun gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri dan dokumen perjalanan sah.

“Sehubungan itu, semua kru bersama bot dan hasil tangkapan ikan campur di-anggarkan seberat 700 ki-logram (kg) ditahan dan di-

bawa ke Jeti Pasukan Polis Marin, Pulau Indah untuk diserahkan kepada pegawai penyiasat Maritim Malaysia bagi siasatan lanjut,” kata-nya.

Beliau berkata, kes disia-sat mengikut Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/63 kerana tidak mem-iiki dokumen pengenalan diri dan dokumen perjalanan yang sah.